

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
(DALAM TALIAN)  
SEMESTER II  
SESI 2020/2021**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN**  
**KOD KURSUS : BBD 20603**  
**KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG**  
**TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2021**  
**JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT**  
**ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH DUA (28) MUKA SURAT**

**SULIT**

**TERBUKA**

- S1 Pihak atasan membuat polisi dan dasar manakala kakitangan melaksanakannya. Manakah antara berikut paling sesuai dikaitkan dengan pernyataan tersebut?
- A. Penyeliaan
  - B. Pengurusan
  - C. Pentadbiran
  - D. Pelaksanaan
- S2 Dalam mengurus sesebuah organisasi, seseorang pengurus perlu menyediakan perancangan kontigensi. Mengapa pelan kontigensi penting untuk memastikan kelangsungan sesebuah organisasi?
- A. Supaya dapat membuat penambahbaikan dalam sesuatu perancangan kerja
  - B. Supaya dapat membuat persediaan untuk menangani kegagalan luar jangka
  - C. Supaya dapat membuat penyelarasan untuk meningkatkan keberkesanan kerja
  - D. Supaya dapat menukar perancangan kepada tindakan yang lebih teratur dan tersusun
- S3 Antara berikut, manakah benar mengenai prinsip utama sistem pendidikan Malaysia?
- A. Merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai pembelajaran sepanjang hayat
  - B. Meneguhkan pengetahuan mengenai sains dan teknologi untuk kemajuan negara
  - C. Pelaksanaan sistem pendidikan merangkumi kehidupan masyarakat Malaysia
  - D. Mengamalkan pengurusan pendidikan yang cekap supaya setaraf di peringkat antarabangsa
- S4 Antara berikut, manakah cabaran masa hadapan pengurusan dan kepimpinan?
- I Nilai masyarakat
  - II Globalisasi dunia
  - III Budaya organisasi
  - IV Kepelbagaian maklumat
- A. I dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S5 Antara berikut, manakah paling tepat menerangkan peranan penyelia dalam sesebuah organisasi pendidikan?
- A. Menguruskan dan memantau jadual waktu
  - B. Membangunkan dan mengurus kumpulan kerja
  - C. Mendorong dan menyelaraskan guru berkaitan PdP
  - D. Memilih dan melatih guru dalam melaksanakan tugas


- S6 Manakah antara berikut menerangkan tentang cara pendidikan awam di Malaysia diuruskan dari aspek penilaian kurikulum?
- A. Sentiasa melakukan ujian atau penilaian terhadap tahap penguasaan setiap murid
  - B. Dalam bidang pengurusan pendidikan, perancangan merupakan satu perkara yang diberi keutamaan berbanding penilaian
  - C. Melakukan penilaian terhadap kurikulum serta mereka bentuk semula kurikulum setelah selesai pelaksanaan sesuatu program
  - D. Sesuatu proses untuk membolehkan kurikulum itu dapat disampaikan dengan cara yang betul melalui proses PdP
- S7 Antara berikut, laporan manakah yang mencadangkan supaya sekolah dwibahasa ditubuhkan dan bahasa Melayu serta bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa pengantar?
- A. Laporan Barnes
  - B. Ordinan Pelajaran
  - C. Laporan Fenn-Wu
  - D. Laporan Cheeseman
- S8 Berikut merupakan ciri-ciri penyelia yang berjaya kecuali
- A. bersifat reaktif
  - B. daya juang yang tinggi
  - C. sentiasa meningkatkan diri
  - D. mempunyai sikap positif terhadap hidup
- S9 Konsep organisasi dalam bidang pendidikan penting untuk melahirkan pelajar seperti berikut
- I berilmu
  - II beretika
  - III bersahsiah
  - IV berdisiplin
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S10 Antara berikut, manakah contoh monolog yang paling tepat?
- A. "Hidup ini mesti diteruskan," tulis Syaidah pada aplikasi *Instagram*
  - B. "Natasha, jangan lupa janji temu kita petang ini," kata Faiz kepada Natasha.
  - C. "Semoga kalian berjaya dalam peperiksaan," kata Encik Afif kepada pelajarannya.
  - D. "Kalau saya ada duit, saya nak hadiahkan emak surat gelang emas," kata Fauzan dalam hati.

- S11** “Saudari, boleh saya tolong bawakan barang ini?” tanya Emmanuel. “Boleh, terima kasih.” jawab Iffah. Apakah keindahan komunikasi yang boleh dipelajari daripada petikan ini?
- A. Saling menghormati ketika berkata-kata
  - B. Bercakap dengan ekspresi muka yang sesuai
  - C. Menggunakan intonasi yang sesuai ketika berkata-kata
  - D. Berhati-hati ketika bercakap dengan orang yang tidak dikenali
- S12** Manakah antara berikut merupakan definisi penyeliaan dalam konteks sebagai pengarah di sesebuah kolej vokasional?
- A. Menyelaraskan dan memantau prestasi pelaksanaan arahan-arahan pengurusan untuk memastikan kolej berfungsi dengan baik
  - B. Seseorang yang mempunyai kuasa, tanggungjawab merancang, mengelola dan mengawal tugas anggota di bawah bidang kuasanya.
  - C. Mengurus segala urusan berkaitan pentadbiran kolej termasuk aktiviti merancang, menganalisis, memimpin, mengawal dan menilai.
  - D. Seseorang yang mengagih-agihkan input organisasi dalam pelbagai sumber dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahannya dan pengawalan.
- S13** “Laporan ini berhasrat menyatupadukan rakyat. Selain itu, laporan ini juga mengesyorkan supaya bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan.” Manakah antara berikut dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?
- A. Penyata Razak
  - B. Laporan Barnes
  - C. Laporan Cheeseman
  - D. Penyata Rahman Talib
- S14** Dalam konteks pengurusan pendidikan, pernyataan manakah menerangkan proses pentadbiran pendidikan dengan tepat?
- A. Mengawal fungsi pendidikan
  - B. Melaksana fungsi pendidikan
  - C. Merancang fungsi pendidikan
  - D. Membangun sistem pendidikan
- S15** Manakah antara berikut merupakan usul yang disyorkan dalam Laporan Fenn-Wu?
- I Mengekalkan sekolah aliran jenis kebangsaan
  - II Memajukan sekolah kebangsaan dan pengenalan dwibahasa
  - III Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
  - IV Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D II dan IV sahaja

**TERBUKA**

- S16** Apakah kemahiran mengurus yang paling penting dikuasai oleh pengurus pendidikan pada peringkat kawal selia?
- A. Kemahiran mengaplikasi teori dan konsep pengurusan
  - B. Kemahiran memilih sumber yang sesuai dan berimpak
  - C. Kemahiran memahami sejarah dan latar belakang projek
  - D. Kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- S17** Apakah cadangan pembaharuan terawal terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan British?
- A. Rancangan Cobbolt
  - B. Rancangan Cheeseman
  - C. Rancangan Penyata Barnes
  - D. Rancangan Penyata Fenn-Wu
- S18** Ahli falsafah pengurusan ini memberikan penegasan terhadap perincian dalam jadual tugasan dan amat relevan hingga kini untuk membolehkan pengurusan menetapkan sasaran dan tarikh akhir setiap tugasan. Beliau turut memperkenalkan sistem bonus kepada pekerja yang melepasi sasaran tugasan harian.
- A. Henri Fayol
  - B. Henry Gantt
  - C. Luther Gullick
  - D. Frederick Taylor
- S19** Mengapakah penyeliaan guru di sekolah dilakukan?
- A. Memudahkan pentadbiran sekolah dan pihak atasan mengawal guru
  - B. Meningkatkan mutu PdP dan membawa perubahan positif kepada guru
  - C. Merupakan satu kerja untuk memenuhi kehendak pihak atasan atau arahan pihak luar
  - D. Proses dinamik, berbeza daripada satu suasana ke satu suasana yang lain dalam kelompok guru untuk mencapai matlamat sekolah
- S20** Manakah merupakan tujuan utama pendidikan vernakular dan sekolah pondok ditubuhkan?
- A. Menyelidik dan membaiki pendidikan orang Melayu
  - B. Dasar pecah dan perintah membentuk sistem pendidikan ini
  - C. Membantah percubaan menghapuskan bahasa dan budaya Cina
  - D. Membuat laporan tentang kurikulum sekolah Inggeris dan vernakular

**TERBUKA**



**Penyataan 21**

- S21** Berdasarkan **Penyataan S21**, manakah terjemahan yang paling tepat menerangkan X?
- Pengetua SMK Parit Raja dengan kerjasama PIBG melawat ke rumah murid-murid yang terjejas banjir
  - Pengetua SMK Parit Raja bersyukur kerana 100% calon SPM tahun 2020 sekolah tersebut lulus cemerlang
  - Pengetua SMK Parit Raja memanggil guru atau kakitangan sekolah yang tidak hadir bertugas tanpa kebenaran
  - Pengetua SMK Parit Raja mengarahkan kaunselor untuk membimbing murid-murid yang keciciran pelajaran
- S22** Pengurus pendidikan merancang untuk melahirkan pewaris negara yang berkualiti, bertanggungjawab, berdaya saing, bijak dan mempunyai sifat patriotik. Manakah antara pelaksanaan berikut sesuai diambil oleh pengurus tersebut?
- Penerapan nilai-nilai murni dalam proses PdP
  - Perhimpunan mingguan yang dihadiri oleh semua guru dan murid
  - Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pengetahuan Moral
  - Pelaksanaan aktiviti 1 murid 1 sukan yang wajib dihadiri oleh semua pelajar
- S23** Kesan halo merupakan salah satu masalah dalam proses penilaian prestasi. Penyataan manakah menerangkan kesan halo dengan tepat?
- Penilai tidak mengetahui langsung tentang identiti orang yang dinilai
  - Penilai mengenali dan menggemari atau tidak menggemari orang yang dinilai
  - Penilai pernah berkomunikasi, berkenalan dan bekerjasama dengan orang yang dinilai
  - Penilai mempunyai peluang untuk menyoal orang yang dinilai dengan lebih mendalam


- S24 Komunikasi yang baik antara pemimpin dan staf dapat mewujudkan kesan seperti berikut kecuali
- A. meningkatkan imej organisasi
  - B. masalah dapat diselesaikan dengan baik
  - C. mengurangkan aduan terhadap organisasi
  - D. mengurangkan perjumpaan antara pemimpin dan staf
- S25 Antara berikut, manakah merupakan kaedah terbaik untuk memotivasikan pekerja masa kini?
- A. Mengubah landskap pejabat seminggu sekali
  - B. Menggunakan konsep perkongsian keuntungan organisasi
  - C. Menetapkan petunjuk prestasi mengikut kemampuan individu
  - D. Menetapkan mata merit dan demerit kepada pencapaian individu
- S26 *Self-appraisal* merupakan salah satu cara penilaian prestasi pekerja. Mengapakah *self-appraisal* penting sebagai penilaian masa hadapan?
- A. Memberi peluang pekerja membuktikan kesilapan terdahulu adalah tidak tepat
  - B. Memberi peluang pekerja untuk tidak terlibat dengan tugas-tugas di luar skop kerja
  - C. Memberi peluang pekerja mempamerkan sumbangan-sumbangan terhadap organisasi
  - D. Memberi peluang pekerja meningkatkan persaingan diri dengan rakan sejawat yang lain
- S27 Penyata Fenn-Wu dihasilkan bertujuan untuk membangkang usul dalam Penyata Barnes seperti berikut kecuali
- A Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua peringkat sekolah
  - B hanya satu corak sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan untuk semua kaum
  - C sekolah hanya menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu atau bahasa Inggeris
  - D sekolah vernakular Cina dan Tamil peringkat menengah menggunakan pengantar bahasa Inggeris sahaja



Gambar S28

- S28** Berdasarkan **Gambar S28**, manakah merupakan amaran lisan daripada pemimpin kepada pekerja tersebut?
- A. Menyatakan tujuan perjumpaan
  - B. Menyatakan akibat permasalahan
  - C. Memperuntukan mana-mana peraturan
  - D. Penyataan berkaitan tindakan yang akan diambil
- S29** Salah satu daripada bidang pengurusan pendidikan ialah pengurusan kurikulum. Manakah antara berikut menerangkan tentang pengurusan kurikulum di sekolah?
- A. Memiliki nilai profesional seperti kreatif, integriti, komited dan akauntabiliti terhadap bidang
  - B. Memastikan pengetahuan berkenaan dasar, perundangan, strategik dan pengurusan dilaksana dengan baik
  - C. Memastikan proses PdP dilaksanakan berdasarkan prinsip dan peraturan serta meningkatkan prestasi kurikulum
  - D. Berpengetahuan luas dalam Dasar Pendidikan Negara berkenaan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor
- S30** Terdapat lima elemen komunikasi iaitu penyampai, penerima, X, gangguan dan Z. Apakah elemen X?
- A. Bunyi
  - B. Saluran
  - C. Maklumat
  - D. Maklum balas






**Penyataan S31**

- S31** Antara berikut, manakah terjemahan yang paling tepat menerangkan proses Y pada **Penyataan S31**?
- Pengarah KV, “Apa status penyelenggaraan di bangunan Blok B setakat hari ini?”
  - Pengarah KV, “Mari kita selesaikan masalah yang timbul dalam makmal bata semalam.”
  - Pengarah KV, “Ketua Jabatan Akademik perlu mengambil perhatian terhadap keciciran makluman penting ini.”
  - Pengarah KV, “Tahun ini, kolej kita perlu mengadakan program peningkatan profesionalisme pensyarah sebanyak 2 kali.”
- S32** Mengapakah semangat kekitaan dan kesepaduan hala tuju perlu ditanamkan dalam diri semua staf oleh pengurus sekolah?
- Bertujuan mencapai kecemerlangan akademik pelajar
  - Bertujuan mencapai matlamat sekolah yang telah ditetapkan
  - Bertujuan mencapai kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum sekolah
  - Bertujuan mencapai kerjasama sekolah dengan persatuan ibu bapa dan guru
- S33** Mengapakah kaedah mengurus guru secara individu perlu berbeza dengan kaedah mengurus guru secara kolektif?
- Individu guru berbeza dari aspek psikologi
  - Tingkah laku kumpulan guru adalah berbeza
  - Pengurus sekolah ialah pengurus yang demokratik
  - Kelayakan individu untuk menjadi guru adalah berbeza
- S34** Bagaimana hendak mewujudkan perasaan suka akan sekolah dalam kalangan pelajar oleh pengurus pendidikan?
- Mewujudkan iklim sekolah yang positif
  - Mengurus konflik antara guru dengan bijak
  - Mewujudkan kepuasan kerja dalam kalangan guru
  - Mewujudkan komunikasi interpersonal yang berkesan

- S35** Staf dan pelajar dalam institusi pendidikan perlu dimotivasikan supaya dapat memainkan peranan masing-masing dengan baik kerana
- A. keupayaan untuk memainkan peranan adalah terhad
  - B. terdapat banyak gangguan semasa menjalankan kerja
  - C. ganjaran yang ditawarkan tidak memuaskan semua orang
  - D. banyak halangan untuk memainkan peranan di institusi Pendidikan
- S36** Hanya seorang ketua untuk satu organisasi. Siapakah tokoh pengurusan yang memperkenalkan prinsip seperti ini?
- A. Henri Fayol
  - B. Henry Gantt
  - C. Frederik Taylor
  - D. Lilian Gilbreth
- S37** Mengikut Henri Fayol, X hendaklah mantap dan berkemampuan menggerakkan organisasi untuk mencapai objektif. Apakah X yang dimaksudkan oleh tokoh ini?
- A. Fungsi ketua
  - B. Aplikasi teori
  - C. Fungsi organisasi
  - D. Kefahaman tugas
- S38** Apakah matlamat utama British membina sekolah vernakular Melayu ketika menjajah Tanah Melayu?
- A. Mengekalkan cara hidup tradisional orang Melayu
  - B. Mengukuhkan pegangan terhadap ajaran agama Islam
  - C. Persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah
  - D. Meningkatkan perniagaan antara orang Melayu, pedagang dari China dan India
- S39** Manakah antara berikut menerangkan maksud pemimpin paling tepat?
- A. Individu yang mempunyai kemahiran khas dalam memastikan pekerja bawahan dapat menjalankan tugas dengan berkesan
  - B. Individu yang diberi kuasa, tanggungjawab untuk memimpin dan mengawal tugas pekerjanya untuk mencapai objektif yang ditetapkan
  - C. Individu yang dilantik oleh satu kumpulan atau organisasi berusaha menjayakan matlamat dan objektif yang dipersetujui bersama
  - D. Individu mempunyai deskripsi tugas mengarah, bekerjasama, mengurus tekanan dan mengawal organisasi untuk mencapai matlamat
- S40** Antara berikut, manakah bukan ciri penilaian prestasi yang baik?
- A. Keputusan penilaian adalah rahsia
  - B. Mengamalkan komunikasi terbuka
  - C. Menetapkan pempiawaan penilaian
  - D. Menyenaikan kriteria kerja yang berkaitan

**TERBUKA**



Rajah S41

- S41** Rajah S41 ialah langkah-langkah penilaian prestasi pekerja. Manakah antara berikut menerangkan langkah X secara tepat?
- A. Menentukan faktor penilaian
  - B. Menentukan proses penilaian
  - C. Menentukan kaedah penilaian
  - D. Menentukan penyesuaian penilaian
- S42** Berikut merupakan kepentingan perancangan dalam sesebuah organisasi.
- I tumpuan
  - II kelenturan
  - III mengelola
  - IV mengekalkan kesinambungan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S43** Berikut merupakan kegunaan penilaian prestasi kecualli
- A. meningkatkan prestasi kerja
  - B. menentukan keperluan latihan
  - C. menentukan penilai yang terlatih
  - D. menentukan keputusan penempatan
- S44** Bagaimanakah seorang pemimpin mengambil tindakan awal sekiranya terdapat pekerja yang bermasalah?
- A. Memberi amaran lisan secara tidak formal kepada pekerja tersebut
  - B. Berbincang dengan pekerja tersebut untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi
  - C. Memberi amaran bertulis secara pentadbiran dan diambil perhatian oleh pegawai atasan
  - D. Memberikan tugas yang penting kepada pekerja tersebut supaya dia bertanggungjawab

TERBUKA

- S45** Kaedah Y boleh dijalankan dalam bentuk formatif atau sumatif. Apakah aktiviti yang tepat dapat menerangkan kaedah Y?
- A. Penilaian
  - B. Pencerapan
  - C. Pemerhatian
  - D. Pemantauan
- S46** “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) merupakan kesinambungan dari segi matlamat, aspirasi dan penyampaian pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya”.  
Antara berikut, manakah merupakan aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?
- I Perpaduan
  - II Kecekapan
  - III Dwibahasa
  - IV Pengetahuan
- A. I sahaja
  - B. I dan II sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S47** Antara berikut, manakah pihak yang memainkan peranan penting dalam sistem pentadbiran pendidikan awam terhadap PdP di sekolah.
- I Ibu bapa
  - II Komuniti setempat
  - III Pejabat pendidikan daerah
  - IV Kementerian Pendidikan Malaysia
- A. I dan III sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S48** Antara yang berikut, manakah merupakan peranan Institut Aminuddin Baki yang paling utama?
- A Membina dan menjadikan sistem pentadbiran pendidikan menjadi tersusun dengan sistematik
  - B Membangunkan profesionalisme dalam kepemimpinan dan pengurusan pendidikan untuk memajukan sistem pendidikan negara
  - C Membina dan membangunkan modal insan yang utuh dari pelbagai aspek untuk mengharungi ranjau serta liku dalam pembelajaran
  - D Membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang

- S49** Manakah antara pernyataan berikut merupakan usul Akta Pendidikan 1996?
- I Kurikulum yang seragam di semua sekolah
  - II Sekolah vernakular ditukar kepada sekolah kebangsaan
  - III Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah
  - IV Menegaskan sistem pendidikan kebangsaan di semua peringkat persekolahan
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja
- S50** Keperluan asas dan psikologi dalam persekitaran kerja seperti yang dinyatakan dalam Teori Hierarki Maslow adalah seperti berikut
- I gaji dan elaun
  - II masa rehat diberikan
  - III status dan pencapaian
  - IV persekitaran yang selamat
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

**Pelajar & pandemik Covid-19**

- TUTUP**  
**Sekolah ditutup**  
 - Tiada kelas pembelajaran **sehingga 20 Januari 2020**  
 - Pengetua perlu merancang modul pembelajaran dari rumah
- KEMBALI KE SEKOLAH**  
**Kembali ke sekolah**  
 - Pelajar **Tingkatan 1, 4, 5 dan 6** akan mula hadir ke sekolah **20 Januari 2020**  
 - Pelajar **Tingkatan 2 dan 3** akan belajar secara atas talian sebelum kembali ke sekolah **8 Mac 2020**
- PEPERIKSAAN AWAM**  
**Peperiksaan awam**  
 - **SPM** bermula **22 Februari 2021**  
 - **STPM** bermula **8 Mac 2021**
- INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**  
**Institusi pengajian tinggi**  
 - Kolej Matrikulasi dan guru teruskan pelajaran dalam talian **sehingga akhir Disember 2020**

Gambar S51

**S51** Antara prinsip asas pengurusan ialah keseragaman arahan. Berdasarkan **Gambar S51**, manakah merupakan terjemahan keseragaman arahan dalam pengurusan pendidikan?

- I Pengetua, "Pelajar tingkatan 2 dan 3 akan hadir ke sekolah pada 8 Mac 2020."
  - II Pengetua, "Semua pelajar kecuali pelajar tingkatan 2 dan 3 mulakan sesi pembelajaran pada 20 Januari 2020."
  - III Pengetua, "Sekolah ditutup untuk semua aktiviti PdP sehingga 20 Januari 2020."
  - IV Pengetua, "Semua kelas yang dijadikan sebagai dewan peperiksaan SPM hendaklah disusun sebelum 22 Februari 2021."
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II, dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

**TERBUKA**

- S52** Menjaga air muka seseorang adalah penting dalam berkomunikasi. Berikut merupakan kebaikan menjaga air muka seseorang dalam berkomunikasi.
- I Mempercepatkan urusan
  - II Menjaga hubungan baik
  - III Mengelakkan salah faham
  - IV Mengekalkan rasa hormat
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S53** Antara berikut, manakah bukan halangan yang biasa dihadapi oleh pembuat keputusan dalam sesebuah organisasi?
- I Persaingan
  - II Peraturan organisasi
  - III Akauntabiliti pekerja
  - IV Berkongsi kepimpinan
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan IV sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S54** Pilih kaedah penilaian prestasi yang boleh dilakukan dalam sesebuah organisasi untuk tujuan kenaikan pangkat.
- I Rekod pencapaian
  - II Penulisan ringkasan prestasi diri sendiri
  - III Senarai semak kriteria prestasi pekerja
  - IV Skala pengkadaran berasaskan kelakuan
- A. I dan III sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, III dan IV sahaja
- S55** Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu pada zaman pemerintahan British?
- I Bahasa pengantar mengikut dialek masing-masing
  - II Berpandukan sukatan pelajaran dari negara China
  - III Buku teks diimport dari negara China
  - IV Menyediakan pendidikan rendah dan menengah rendah sahaja
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S56** Antara berikut, manakah bukan merupakan pergaulan antara pemimpin dengan ahli organisasi yang baik?
- I Mempamerkan penampilan diri yang baik dan menarik
  - II Memberi kepercayaan kepada semua lapisan ahli organisasi
  - III Memberi kebebasan ahli organisasi untuk mendapatkan kuasa
  - IV Mempunyai keyakinan diri apabila dilantik memegang jawatan
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S57** Pengetua di sesebuah sekolah bertanggungjawab melaksanakan tanggungjawab seperti berikut kecuali
- A. mendaftarkan setiap murid baharu
  - B. mengambil rekod kehadiran murid setiap hari persekolahan
  - C. memastikan keselamatan setiap warga sekolah sebilang masa
  - D. melantik guru baharu yang baru lapor diri untuk mengajar di sekolahnya
- S58** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dilaksanakan untuk mentransformasikan pendidikan supaya dapat menghadapi cabaran baharu. Antaranya ialah mewujudkan 6 aspirasi pelajar dengan memberi penekanan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Manakah antara berikut merupakan aspirasi pelajar tersebut?
- I Perpaduan
  - II Identiti nasional
  - III Etika dan kerohanian
  - IV Kemahiran memimpin
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S59** Sistem pendidikan awam dan swasta mempunyai persamaan dan perbezaan. Antara berikut, manakah menunjukkan persamaan yang paling ketara antara pendidikan awam dan swasta?
- I Yuran pengajian
  - II Pelbagai strategi pengajaran
  - III Peluang pendidikan yang luas
  - IV Tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

**TERBUKA**



- S60** Pemupukan budaya ilmu mengikut acuan Malaysia memerlukan pengisian pelbagai usaha dan strategi seperti berikut
- I pembentukan insan berakhlak mulia dan berilmu
  - II mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian
  - III pelaksanaan program bersepadu antara sekolah dan agensi luar
  - IV kurikulum yang dibina dapat memupuk perasaan sayang dalam diri
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S61** Berikut merupakan ciri-ciri budaya cemerlang yang perlu ada dalam sesebuah sekolah.
- I Mewujudkan perpaduan dalam kalangan seluruh warga sekolah.
  - II Membantu menangani pelbagai masalah sosial dalam kalangan murid.
  - III Menggiatkan Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)
  - IV Menerapkan nilai-nilai positif dalam kalangan murid, guru dan seluruh warga sekolah.
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S62** Pendekatan pengurusan saintifik atau juga dikenali sebagai analisis tugas yang menumpukan kepada pekerja atau peringkat bawah diasaskan oleh Frederick Taylor (1856-1915). Prinsip Taylor dalam pendekatan pengurusan saintifik ialah
- I gaji seimbang dengan kerja
  - II perlu memotivasikan pekerja
  - III produktiviti boleh ditingkatkan melalui kerja yang berkesan
  - IV pemilihan pekerja yang teliti supaya hanya pekerja layak dipilih
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV

- S63** Sekolah antarabangsa merupakan salah satu daripada sekolah yang telah ditubuhkan oleh Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Manakah antara berikut bukan program yang ditawarkan oleh jenis sekolah tersebut?
- I Program pendidikan rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum Malaysia serta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
  - II Program pendidikan tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar
  - III Program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
  - IV Program peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum yang telah dihasilkan sendiri oleh pihak sekolah serta menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja
- S64** Bagi merealisasikan reformasi pendidikan di Malaysia, guru harus memainkan peranan sebagai agen perubahan. Bagaimana guru masa kini boleh mencapai objektif ini?
- I Menggunakan strategi berpusatkan murid
  - II Melaksanakan program pendidikan bersepadu
  - III Mengandaikan murid bersifat homogen dan heterogenus
  - IV Mengurus dan membimbing secara demokratik dan kasih sayang
- A. I dan II sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. I, II dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S65** Guru sebagai penjawat awam tertakluk kepada peraturan dan undang-undang negara. Antara berikut, manakah merupakan hak anda sebagai seorang guru di institusi pendidikan awam?
- I Gaji
  - II Cuti
  - III Elaun
  - IV Letak jawatan
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S66** Pengupayaan (empowerment) sangat penting dilaksanakan di institusi pendidikan supaya pengurusan dapat dijalankan dengan lancar dan objektif tercapai. Antara berikut, manakah merupakan elemen pengupayaan guru?
- I Status
  - II Autoriti
  - III Kecekapan peribadi
  - IV Pengembangan profesional
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. I, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
- S67** Cikgu X telah mengingkar arahan ketua jabatannya dan akan berhadapan dengan tindakan tatatertib mengikut turutan. Manakah merupakan turutan yang betul?
- I Amaran
  - II Buang kerja
  - III Turun gaji
  - IV Turun pangkat
- A. I, II, III dan IV  
B. III, I, IV dan II  
C. I, III, IV dan II  
D. I, IV, III dan II
- S68** Berat sebelah atau penilaian tidak adil dapat dikurangkan dalam pentaksiran dengan kaedah berikut
- I memberikan latihan
  - II menentukan giliran pentaksiran
  - III memberi dan menerima maklum balas
  - IV pemilihan kaedah pentaksiran yang tepat
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, III dan IV sahaja
- S69** Antara berikut, manakah bukan merupakan peranan pendidikan swasta di Malaysia?
- I Memperkasakan bahasa Melayu
  - II Memberi peluang pendidikan yang lebih luas
  - III Membantu negara ke arah perindustrian maju
  - IV Menyediakan sistem pengurusan pendidikan yang seragam
- A. I dan II sahaja  
B. I dan IV sahaja  
C. II dan III sahaja  
D. III dan IV sahaja

**TERBUKA**

- S70** Antara berikut, manakah merupakan penegasan dalam perkhidmatan penyayang?
- I. Prihatin terhadap disiplin
  - II. Sentiasa menghargai sesama sendiri
  - III. Mengutamakan nilai-nilai kemanusiaan
  - IV. Mengamalkan sifat saling menghormati
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV sahaja
- S71** Manakah antara berikut bukan tujuan Penyata Razak?
- I. Mewujudkan masyarakat yang bertoleransi, berdisiplin, terlatih, liberal dan progresif
  - II. Mengeratkan perpaduan antara kaum di Tanah Melayu dengan mewujudkan sekolah wawasan
  - III. Meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu di Tanah Melayu dengan memberi pelbagai bantuan
  - IV. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar di sekolah
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II dan III sahaja  
D. II dan IV sahaja
- S72** Berikut merupakan strategi yang dapat merealisasikan konsep budaya cemerlang dalam proses pengurusan sekolah iaitu
- I bengkel-bengkel dan latihan diberikan di peringkat pertengahan dan bawahan
  - II ganjaran atau anugerah perlu disediakan bagi mendorong kakitangan untuk lebih cemerlang
  - III kakitangan yang kurang cekap dilengkapi dengan kesedaran, komitmen dan motivasi terhadap tugas
  - IV setiap kakitangan perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang
- A. I dan II sahaja  
B. I dan III sahaja  
C. II dan IV sahaja  
D. III dan IV sahaja

- S73** Institusi Aminuddin Baki (IAB) memainkan peranan penting dalam melatih bakal pemimpin sekolah. Antara berikut, manakah merupakan fungsi IAB?
- I. Penilaian
  - II. Konsultasi
  - III. Penerbitan
  - IV. Penyelidikan
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S74** Antara berikut, manakah merupakan objektif perpaduan dalam Wawasan Pendidikan.
- I Cinta akan negara
  - II Memahami setiap budaya
  - III Menghasilkan graduan cemerlang
  - IV Melahirkan generasi pelbagai budaya
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S75** Manakah merupakan masalah-masalah yang wujud dalam proses penilaian prestasi?
- I. Wujud prasangka
  - II. Kesilapan lampau
  - III. Penurunan pangkat
  - IV. Kecenderungan memusat
- A. I dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. I, II dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S76** Antara berikut, manakah bukan halangan yang biasa dihadapi oleh pembuat keputusan dalam sesebuah organisasi?
- I. Persaingan
  - II. Peraturan organisasi
  - III. Akauntabiliti pekerja
  - IV. Berkongsi kepimpinan
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan IV sahaja
  - D. III dan IV sahaja

TERBUKA

- S77** Pengurus dan pemimpin institusi pendidikan mestilah mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik dengan menerapkan nilai-nilai murni untuk membentuk masyarakat yang berakhlak. Hal ini sejajar dengan usaha kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar untuk mencapai hasrat tersebut. Antara berikut, manakah merupakan dasar utama kerajaan tersebut?
- I. Dasar Ekonomi Baru
  - II. Dasar Bersih, Cekap dan Amanah
  - III. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam
  - IV. Dasar Kepimpinan Melalui Teladan
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. I, II dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja
- S78** Antara berikut, manakah merupakan tanggungjawab dan peranan pemimpin pendidikan dalam kluster kepemimpinan mengikut acuan Malaysia?
- I. Peneraju
  - II. Pengawal
  - III. Pendorong
  - IV. Pembimbing
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S79** Berikut merupakan ciri-ciri budaya ilmu yang diaplikasikan mengikut acuan Malaysia.
- I. Mengamalkan penyelidikan
  - II. Pembelajaran sepanjang hayat
  - III. Mendalami ilmu dan meneroka ilmu terkini
  - IV. Menguasai, mengamal, menghayati dan berkongsi ilmu
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S80** Konsep pelaksanaan sekolah penyayang memberi tanggapan bahawa semua pelajar
- I. cerdas
  - II. pandai
  - III. boleh dididik
  - IV. boleh cemerlang
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

- S81** Gejala buli dalam kalangan murid sekolah merupakan salah laku disiplin yang perlu ditangani secara serius oleh semua pihak. Berikut merupakan pendekatan wawasan pendidikan yang paling sesuai diaplikasikan untuk mencegah dan memulihkan gejala tersebut.
- I. budaya ilmu
  - II. pengupayaan
  - III. budaya cemerlang
  - IV. sekolah penyayang
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. II dan IV sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S82** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri pemimpin karismatik?
- I Berjaya mengubah pentadbiran organisasinya
  - II Mengubah sikap dan nilai etika staf di bawah seliaannya
  - III Mengurus secara kombinasi budi bicara dan pengupayaan
  - IV Mempunyai fokus ramai pengikut yang setia kerana terinspirasi
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S83** Antara berikut, manakah tepat menerangkan domain dalam ciri-ciri pemimpin instruksional?
- I Mengurus program pengajaran dan kurikulum
  - II Mengurus organisasi dengan kemahiran mengurus yang tinggi
  - III Menjadikan institusi sebagai komuniti pembelajaran profesional
  - IV Menterjemahkan nilai dan tujuan institusi pendidikan dengan jelas
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S84** Antara berikut, kenyataan manakah merujuk kepada matlamat pengurusan institusi pendidikan di Malaysia?
- I Meningkatkan pencapaian pelajar
  - II Mengekalkan kualiti sedia ada sekolah
  - III Pengupayaan pengurus dan staf sekolah
  - IV Meningkatkan penyertaan ibu bapa dalam urus tadbir sekolah
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S85** Berikut merupakan usaha kementerian untuk merealisasikan sekolah penyayang mengikut acuan tempatan.
- I Memupuk budaya membaca, menghayati dan mengamalkannya
  - II Menekankan perkhidmatan kebajikan dan kesejahteraan warga sekolah
  - III Kurikulum yang dibangunkan menekankan tentang nilai kemasyarakatan
  - IV Memupuk dan menyemai perasaan sayang dalam kalangan warga sekolah
- A. I dan II sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. I, II dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

- Berubah dari semasa ke semasa mengikut kepentingan organisasi
- Pekerja bermotivasi dan komited melaksanakan tugas
- Mengurus dengan membekalkan makluman, sokongan dan dorongan

**Penyataan S86**

- S86** Manakah antara teori kepimpinan berikut menepati ciri-ciri kepimpinan yang ditunjukkan pada **Penyataan S86**?
- A. *Situational*
  - B. *Transactional*
  - C. *Transformational*
  - D. *Credibility based*
- S87** Manakah antara berikut merupakan konsep kepimpinan?
- I Kepimpinan boleh digilap dan dipupuk dari semasa ke semasa
  - II Pemimpin yang baik sentiasa membangunkan keberkesanan kepimpinan
  - III Kepimpinan ialah proses untuk membantu meningkatkan fungsi pengajaran
  - IV Sifat kepimpinan seseorang pemimpin itu dapat dilihat sejak dari kecil lagi
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S88** Mengapakah pengurusan kurikulum penting dalam sistem pendidikan negara?
- I Menyelaras aktiviti-aktiviti PdP
  - II Menjadi panduan penyediaan rancangan pengajaran harian
  - III Mengurus peralatan teknologi dan sumber-sumber untuk pengajaran
  - IV Menyelaras kurikulum antara peringkat sekolah, daerah, negeri dan kementerian
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV



- S89** Mengapakah pendidikan dan latihan teknikal vokasional (TVET) semakin penting dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia?
- I Memenuhi kehendak industri yang semakin berkembang bertunjangkan teknologi
  - II Membantu negara membangunkan ekonomi negara secara menyeluruh
  - III Mendokong peningkatan ekonomi negara berasaskan pengetahuan
  - IV Menyokong mobiliti tenaga kerja ke peringkat global (*global player*)
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
- S90** Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan institusi yang penting dalam konteks pendidikan Malaysia. Bagaimanakah fungsinya sebagai konsultasi dapat membantu organisasi pendidikan terutamanya sekolah?
- I Memberi khidmat latihan dan bimbingan berkaitan dengan pengurusan kualiti dan pengurusan strategik
  - II Merancang, menyelaras dan mengawal selia program konsultasi dan runding cara untuk pembangunan organisasi
  - III Merancang dan merangka program yang berfokus kepada pengurusan dan kepimpinan kelestarian organisasi cemerlang
  - IV Merancang dan merangka keperluan latihan serta khidmat konsultasi dan runding cara untuk pembangunan organisasi pendidikan
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
- S91** Antara berikut, manakah menerangkan fungsi Insituti Aminuddin Baki (IAB) dengan tepat sebagai penyelidikan dan penilaian?
- I Menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi maju mengikut acuan sendiri
  - II Merancang, menyelaras dan mengawal selia program pembangunan kompetensi pensyarah IAB dalam bidang penyelidikan
  - III Merancang, menyelaras, mengawal selia dan mengkaji keberkesanan program latihan dalam bidang penilaian untuk pemimpin pendidikan
  - IV Merancang, menyelaras, mengawal selia dan mengkaji keberkesanan program latihan dalam bidang penyelidikan untuk pemimpin pendidikan
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**


- S92** Pernyataan berikut adalah tepat menerangkan tentang Sistem Pendidikan Malaysia kecuali
- A sistem pendidikan di Malaysia diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
  - B sistem pendidikan dipusatkan terutamanya bagi sekolah rendah dan sekolah menengah
  - C pendidikan Malaysia boleh didapatkan dari sekolah tanggungan kerajaan, sekolah swasta atau secara sendiri
  - D kerajaan negeri berkuasa dalam kurikulum dan aspek lain pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah
- S93** Manakah antara berikut bukan terdiri daripada Malaysian Technical University Network (MTUN)?
- A. Universiti Malaysia Pahang (UNP)
  - B. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
  - C. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
  - D. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- S94** “Seorang pemimpin tersebut dogmatik dan positif, memerlukan pekerjaanya menurut perintah yang diarahkannya dan memimpin mengikut kebolehannya untuk menarik balik ganjaran serta hukuman.” Gaya kepimpinan apakah yang jelas dikaitkan dengan ciri-ciri pemimpin tersebut?
- A. Gaya Kepimpinan Autokratik
  - B. Gaya Kepimpinan Demokratik
  - C. Gaya Kepimpinan Laissez-faire
  - D. Gaya Kepimpinan Kajian Ohio State
- S95** Encik Firdaus merupakan seorang pengarah yang dapat menyelia proses PdP pensyarah di bawah seliaannya dengan baik. Selepas penyeliaan tersebut, Encik Firdaus mengadakan klinikal dan perbincangan tentang dapatan penyeliaannya bersama-sama pensyarah tersebut. Berdasarkan huraian tersebut, kompetensi manakah yang paling tepat dapat dikaitkan dengan Encik Firdaus sebagai pemimpin institusi pendidikan?
- A. Kompetensi Sosial
  - B. Kompetensi Pedagogi
  - C. Kompetensi Keperibadian
  - D. Kompetensi Profesional Mengajar



Gambar S96

- S96** **Gambar S96** menunjukkan salah satu contoh komunikasi. Jenis komunikasi manakah yang paling sesuai dikaitkan dengan **Gambar S96**?
- Kumpulan kecil
  - Pengucapan awam
  - Komunikasi massa
  - Komunikasi interpersonal
- S97** Gaya komunikasi X menegaskan tentang prosedur untuk mempengaruhi orang lain mengikut kehendaknya. Apakah gaya komunikasi X?
- Dinamic style*
  - Structuring style*
  - Controlling style*
  - Withdrawal style*
- S98** Berikut ialah cara berkomunikasi dengan pihak atasan dalam sesebuah organisasi kecuali
- melapor sesuatu peristiwa atau dapatan kepada pihak atasan
  - mencatat semua makluman yang disampaikan oleh pihak atasan
  - bertanya dan memberi tanggapan terhadap makluman atau kekeliruan
  - mendengar arahan atau makluman yang disampaikan oleh pihak atasan
- S99** Antara berikut, manakah merupakan aspek-aspek utama yang diberi penilaian dalam Sistem Saraan Malaysia adalah seperti berikut
- kualiti kerja
  - penilaian sahsiah
  - aktiviti dan sumbangan
  - pengetahuan dan kompetensi
- I, II dan III sahaja
  - I, II dan IV sahaja
  - II, III dan IV sahaja
  - I, II, III dan IV

TERBUKA



Rajah S100

- S100** Merujuk kepada Rajah S100, apakah yang paling sesuai diwakili oleh Y?
- A. Guru
  - B. Guru Kaunselor
  - C. Ketua-ketua bidang
  - D. Ketua-ketua panitia

-SOALAN TAMAT-